

## Dokumen Diperlukan

### 1. Permohonan Di Kaunter

#### Pemegang MyKad

- Permohonan diproses secara *Hassle Free* (borang permohonan tidak diperlukan).

#### Bukan Pemegang MyKad

- Borang Permohonan KWSP 9B (AHL).
- Dokumen pengenalan diri (asal dan salinan).

#### Maklumat Akaun Bank

Ahli digalakkan membawa buku akaun bank / penyata akaun bank / maklumat akaun bank terkini.

**Jika pengecaman Cap Ibu Jari gagal, ahli perlu mengisi Borang KWSP 3 (Pindaan).**

### 2. Permohonan Melalui Pos

- Borang Permohonan KWSP 9B (AHL).
- Salinan MyKad / Dokumen Pengenalan Diri.
- Borang KWSP 3 (pindaan).

Salinan dokumen perlu disahkan oleh pegawai pengesah dibenarkan. (Lain-lain dokumen tambahan tertakluk kepada syarat dan prosedur semasa).

## Dokumen Sokongan

1. Sila rujuk Senarai Semakan Dokumen Pengeluaran Umur 50 Tahun / 55 Tahun / 60 Tahun / **Simpanan Melebihi RM1 juta** di laman web rasmi KWSP atau pejabat KWSP.
2. KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan atau menolak permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

### Nota Amaran

#### Membuat Kenyataan Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991]

## Maklumat Terkini Mengenai Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta Boleh Didapati Di Laman Web Rasmi KWSP

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari

**[www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)**

atau Hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan

**03-89226000**

Cetakan Disember 2018

# Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta



# Pilihan Kepada Ahli Yang Mempunyai Simpanan Melebihi RM1 Juta Mengeluarkan Lebihan Simpanan Berkenaan Untuk Diuruskan Sendiri Oleh Ahli

## Kelayakan Memohon

1. Ahli bertaraf Warganegara Malaysia **ATAU** bukan Warganegara.
2. Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan.
3. Ahli mempunyai simpanan **KWSP melebihi RM1 juta**.

## Syarat-syarat Pengeluaran

1. Pengeluaran boleh dibuat pada bila-bila masa.
2. Tiada had amaun minimum (**Any Amount, Any Time**), tertakluk kepada simpanan melebihi RM1 Juta.
3. Ahli perlu memohon untuk setiap kali pengeluaran.

## Kelayakan Pengeluaran

1. Ahli boleh mengeluarkan apa-apa amaun lebihan bagi simpanan yang melebihi RM1 Juta.
2. Amaun pengeluaran yang dipohon akan diambil daripada Akaun 2 terlebih dahulu dan jika tidak mencukupi akan diambil daripada Akaun 1.

## Kaedah Bayaran

### 1. Bayaran Dalam Malaysia

Bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat:

- Akaun bank yang aktif dengan bank panel KWSP yang dilantik.
- Butiran dokumen pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
- Bayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- Untuk transaksi yang tidak berjaya, bayaran akan dibuat melalui **Cek Jurubank**.

### 2. Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis Matawang adalah seperti berikut:

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan tertakluk kepada matawang yang disenaraikan oleh KWSP.
- Untuk matawang yang tidak tersenarai, bayaran akan dibuat di dalam US Dollar.